

JHEP adakan Taklimat Pelaksanaan Penubuhan 'Student Union' Universiti Awam

4B 22.11.2018 B2

JABATAN Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Pembangunan Pelajar mengadakan Taklimat Pelaksanaan Penubuhan 'Student Union' Universiti Awam pada 13 November 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi gambaran awal mengenai pelaksanaan penubuhan kesatuan pelajar yang mana perkara ini

dinyatakan oleh Menteri Pendidikan semasa ucapannya di Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017 pada 22 September 2018 yang lalu. Taklimat disampaikan oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmadi Haji Nurdin.

Seramai lebih 100 orang pelajar UMS hadir yang terdiri daripada majlis tertinggi/ majlis eksekutif serta wakil-wakil Jakmas kolej kediaman, Kelab/ persatuan/ secretariat/ organisasi pelajar.



PELAJAR mengemukakan pertanyaan dalam sesi soaljawab.

Turut hadir Timbalan Pengetua, Kolej Kediaman Tun Fuad, Mohd Jumrat

Minsun pegawai-pegawai dan staf JHEP, Presiden, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP),

Mohd Jivien Johan Wira Ahmad Barisan MPP dan siswa-siswi UMS.